



ilham '04

inspiration from nature

Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA



ISO 9001: 2000 Certificate No. 404080



experience the atmosphere

(C) Copyright Reserved.2004

Copyright by Faculty of Art & Design, UiTM.
All rights reserved. Reproduction in any form
is strictly forbidden except with the written
permission of the publisher.

Every effort has been made to ensure the
accuracy of the information contained within
this publication. However, the publisher and
editor do not assume any responsibility for any
error or omission.

FACULTY OF ART & DESIGN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

T : 603 5544 4001
F : 603 5544 4011
W : www.uitm.edu.my

inspiration from nature



ilham '04

inspiration from nature

Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA

Galeri Seni

15 December 2004 -15 February 2005

guest of honour

YBhg Tan Sri Datuk Hj Arshad Ayub



YBhg Tan Sri Datuk Hj Arshad Ayub

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya bersyukur ke hadrat illahi dengan izin-Nya dapat saya menurunkan sepatial dua kata sempena pameran ILHAM 2004, anjuran Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR), Universiti Teknologi MARA(UiTM).

Sesungguhnya FSSR telah mengorak langkah yang perkasa sejak penubuhannya pada tahun 1967 dimana pendidikan formal senilukis & senireka di UiTM telah berkembang pesat, diiktiraf dan menjadi ikutan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini sejak beberapa dekad yang lalu. Malah FSSR kini menerajui pengajian senilukis dan senireka diperingkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di negara ini.

Usaha-usaha memartabatkan bidang senilukis & senireka sewajarnya diberikan penghargaan dan penghormatan yang tinggi kerana menerusi inisiatif dan iltizam FSSR, negara menyaksikan kemunculan pelukis-pelukis dan perekapereka melayu yang menempa nama di peringkat antarabangsa.

Saya difahamkan bahawa ILHAM merupakan 'showcase' bagi mempamerkan karya-karya tenaga pengajar FSSR. Ini bermakna kita berpeluang melihat, menghayati dan seterusnya mengukur pencapaian tenaga pengajar yang dikatakan menjadi tunggak kecemerlangan graduan atau lulusan FSSR. Namun saya percaya kesemua karya yang dipamerkan memperlihatkan mutu yang tinggi berdasarkan fakta bahawa kebanyakan tenaga pengajar FSSR merupakan 'practising artists and designers' bukan sahaja mengajar tetapi dikenali melalui karya dan rekaan profesional mereka.

Akhir kata, semoga ILHAM 2004 dan ILHAM seterusnya akan menjadi wadah kesinambungan tradisi kecemerlangan senilukis dan senireka seterusnya akan terus menyerlahkan kejayaan anak bangsa di bidang seni amnya. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Fakulti Seni Lukis & Seni Reka,UiTM di atas kejayaan menghasilkan pameran ILHAM 2004 yang sesungguhnya bermakna ini.

Wassalam.

YBhg Tan Sri Datuk Hj Arshad Ayub



Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah
Naib Canselor UiTM

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Fakulti Seni Lukis & Seni Reka kerana berjaya mengadakan Pameran ILHAM 2004 ini. Semoga semangat kerjasama, inisiatif dan kesungguhan yang ditunjukkan dalam merealisasikan pameran seumpama ini berupaya menjadi wadah dan teras bagi mencerminkan komitmen dan usaha gigih semua pihak yang terlibat.

Pameran ILHAM 2004 yang bertemakan "Inspiration From Nature" ini amat bermakna untuk mengukur pencapaian, kredibiliti dan sumbangan kita sebagai tenaga akademik yang memiliki kepelbagaian bidang kepakaran. Pameran yang menampilkan karya-karya tenaga akademik FSSR ini bukan sahaja memperagakan kerja-kerja seni yang indah

tetapi juga memperlihatkan isu-isu di peringkat negara dan global tentang alam dan kehidupan yang digarap dari persepsi tersendiri.

Adalah diharapkan usaha mengadakan pameran ILHAM yang telah dirintis oleh fakulti ini semenjak tahun 1986 yang lalu sewajarnya diteruskan pada masa-masa akan datang dan diberi perhatian serius oleh semua warga akademik FSSR sebagai salah satu aktiviti akademik yang seharusnya digembeleng bersama.

Sekian. Terima kasih.

Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah



**Associate Professor Dr Baharudin Hj Ujang
Dean Faculty Of Art & Design**

It all started when a group of us blazing the trails of FRIM, at Sg. Buloh and at Bukit Kemensah with our mountain bikes. Later in July 2004, we organized a "Nature Walk : Artists & Designers". Our students and staff huffed and puffed, walked and jogged (some of us dragged our feet!), to reach the great heights of Bukit FRIM!

These experiences helped gave birth to this year's concept for FSSR's ILHAM exhibition : "Inspiration From Nature". We at FSSR would like to invite you to come join us on a journey and exploration of man's relation with his environment as a whole. Together we discover the universe, the planets, the stars, the rocks, the soil, the sea and the creatures of the earth, the vivid beauty of colours and of sounds.

The world is bountiful with beauty and our artists and designers have drawn inspiration from it since the time of our forefathers, as seen in our cultural heritage, our architecture, our carvings and crafts.

We hope that you will enjoy the exhibition and together feel the connection that we have had experienced with nature. We have come to realize that we are all connected - with

each other as brothers and sisters; and with nature. We have also realized that as artists and designers, all our inspirations and talents are gifts from Allah swt.

Finally, this event and exhibition could not have happened without the support, help, work and effort of many individuals. On behalf of FSSR, I thank UiTM and the Vice-Chancellor, Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, for his support. My heartfelt thanks also goes out to ALL the academic and supporting staff of FSSR (this includes all the folks at Shah Alam, Kelantan, Melaka, Kedah and Perak) for their participation, contribution and hard work. It is indeed gratifying to see the FSSR staff come together in the spirit of 'sillaturrahim'. Thanks also to the staff at IKIP, Kuantan for their participation. A special salute goes out to the folks at the Gallery under the supervision of Assoc. Prof. Ham Rabeah; the two curators for this show, Prof. Dr. Tamyez Baijuri and Assoc. Prof. Dr. D'zul Haimi Md Zain; the working committee, and the SKP (Skim Khidmat Pelajar) students and all other individuals who have worked so hard to put this exhibition and show together. THANK YOU ALL! I hope you will enjoy our interpretations and be inspired by our work!



Keindahan Alam Dari Kaca Mata Pelukis

Alam semula jadi merupakan sumber inspirasi pelukis yang penting, justeru itu perhubungan antara kedua-duanya sukar untuk dipisahkan. Sejak zaman purba lagi, manusia telah menghasilkan karya seni yang berhubungan secara langsung dengan alam, contohnya catan-catan gua yang melukiskan aktiviti pemburuan yang mengandungi imejan-imejan figura, flora dan fauna. Dalam konteks seni tradisi pula, pengkarya merujuk alam semula jadi sebagai kiasan dan perlambangan yang berkaitan dengan falsafah serta pandangan hidup masyarakat, sebagaimana motif-motif dalam kesenian Melayu yang bertalian dengan peribahasa dan simpulan bahasa yang mencerminkan sikap serta sifat manusia. Pengkarya merujuk kepada alam persekitaran mereka sebagai sumber inspirasi yang padu dan penuh makna.

Penampilan alam semula jadi sebagai tema karya telah sebat dengan perkembangan seni lukis kontemporari Malaysia sejak awal kelahirannya pada sekitaran tahun-tahun 1930-an. Kepelbagai bentuk penampilan imejan alam tercetus ekoran daripada kepelbagai pendekatan dan pegangan pelukis dalam berkarya. Hal ini turut dipengaruhi oleh faktor-faktor berkaitan kebudayaan secara

umumnya, seperti sejarah, kepercayaan, kemasyarakatan, dan sistem pendidikan.

Sejak tahun-tahun 1930-an, keindahan alam semula jadi tempatan telah dirakamkan oleh pelukis menerusi catan-catan landskap dengan menggunakan medium cat air. Para pelukis cat air Pulau Pinang seperti Abdullah Ariff, Yong Mun Sen, dan Khaw Sia yang dianggap sebagai kelompok perintis seni kontemporari telah merakamkan keindahan alam semula jadi menerusi lakaran langsung mereka yang halus lagi menawan. Menerusi karya-karya seperti "Ladang Kelapa" (1948) dan "Sinar Mentari di Denai Hutan" (1956), Abdullah Ariff menangkap cahaya serta warna persekitaran menerusi sapuan-sapuan berus warna basah yang terkawal. Keindahan suasana pagi di desa diterjemahkan menerusi gambaran pemandangan ladang kelapa yang tenang kekabusan dengan disulami kegiatan masyarakat desa yang mula berkerja di awal pagi. Pohon-pohon kelapa pelbagai ukuran serta kepadatan warna menghidupkan gambaran ilusi ruang di permukaan catan. Abdullah Ariff menekankan akan penggunaan kaedah perspektif atmosfera yang mewujudkan ruang menerusi kesan kekabusan tona dan warna.



**Associate Professor Dr Mulyadi Mahamood
Deputy Dean, Faculty Of Art & Design**



"Ladang Kelapa" melukiskan suasana desa lumrah yang sebagaimana biasanya dihiasi dengan pohon-pohon kelapa, petani dan haiwan ternakan. Keadaan seumpama ini sudah menjadi semacam suatu trade mark bagi menggambarkan imej kampung Melayu. Kepermaian dan ketenangan suasana desa serta keramahan masyarakatnya seolah-olah tersimpul dalam gambaran sedemikian. Justeru itu, karya-karya landskap tempatan lazimnya mengandungi imej-imej seumpama itu.

Dalam "Sinar Mentari di Denai Hutan", penggunaan warna basah dengan teknik wash berjaya menjelmakan keindahan alam semula jadi yang digambarkan pelukis. Suasana ketenangan alam menjadi aspek terpenting karya, bukan sahaja sebagai cerminan alam yang indah malah sebagai gambaran kepermaian serta kedamaian hidup masyarakatnya. Dalam karya-karya lain seperti "Bumi Bahagia, Lombong Bijih Malaya" (1960), Abdullah Ariff melukis akan aktiviti ekonomi masyarakat tempatan dengan bersulamkan keindahan alam.

Dari sudut gaya lukisan, karya-karya awal ini boleh dihubungkan dengan gaya impresionisme yang cenderung merakamkan suasana alam menerusi aspek-aspek warna, cahaya dan bayang. Aliran seni Barat yang dianggap sebagai perintis seni moden itu telah mengenepikan pendekatan tradisi dan akademik dalam seni sebelumnya yang lebih berminat untuk menggambarkan subjek-subjek seni yang bersifat sejarah, klasik dan moralistik. Impresionisme pula menggambarkan subjek-subjek yang biasa dalam kehidupan sezaman, seperti pemandangan di desa dan kota yang diharungi oleh masyarakat kebanyakan menerusi pengolahan gaya seni yang baru. Dalam konteks ini, perhubungan karya awal seni kontemporari Malaysia dengan impresionisme tidak berlaku secara langsung,

sebaliknya dilihat menerusi kecenderungan pelukis merakam suasana alam setempat serta menampilkan suatu pengolahan seni baru yang berbeza daripada kesenian tradisi.

Selain daripada Abdullah Ariff, karya-karya awal seni kontemporari Malaysia yang merakamkan alam semula jadi dengan indah telah dihasilkan oleh Yong Mun Sen. Catan-catan cat airnya seperti "Menjemur Jala" (1940) dan "Rumah Atap di Tepi Laut" (1960) melukiskan keindahan pemandangan tempatan menerusi gaya lukisan yang spontan lagi bersahaja. Menerusi kesegaran warna cat air dan penumpuan terhadap suasana alam tempatan, karya landskap sedemikian amat menyenangkan lagi menenangkan untuk ditatap. Menerusi karya-karya yang kini banyak dihimpun di Balai Seni Lukis Negara, Abdullah Ariff dan Yong Mun Sen telah merakamkan keindahan alam tempatan menerusi karya-karya catan landskap yang terus segar hingga ke hari ini.

Penampilan alam semula jadi sebagai subjek karya diteruskan oleh pelukis tempatan menerusi pengolahan yang pelbagai. Di tangan pelukis-pelukis Nanyang seperti Cheong Soo Pieng, Lai Fong Moi dan Georgette Chen, alam semula jadi dilihat dari kaca mata pelukis yang sudah terdedah dengan gaya seni tradisi Cina dan seni moden Barat. Justeru itu, khayalak ditemukan dengan suasana pemandangan sekitar, seperti di Johor Bahru, menerusi pengolahan gaya dan format catan landskap monumental Cina, ataupun suasana di desa dengan pengolahan warna tebal seperti karya pelukis-pelukis pascainspirasi Perancis. Karya Cheong Soo Pieng berjudul "Sepanjang Pantai" (1963) memperlihatkan deretan perahu di pantai yang boleh dihayati secara menegak sesuai dengan format landskap monumental itu. Medium dakwat Cina yang



lembut amat sesuai dengan kaedah sapuan berus spontan yang menjadi teras catan Cina, khususnya dalam menyalurkan nilai-nilai kehidupan dalam lukisan. Di samping memperlihatkan keindahan alam tempatan, karya-karya landskap tradisi Cina seumpama ini terus menghidupkan nilai-nilai kebudayaan yang menjadi warisan turun-temurun mereka, meskipun dalam mengharungi corak hidup baru di perantauan. Hal ini menunjukkan betapa faktor-faktor kebudayaan dan pendidikan begitu mempengaruhi penghasilan karya pelukis.

Kemunculan kumpulan-kumpulan pelukis baru di Kuala Lumpur pada sekitar tahun-tahun 1950-an telah mempelbagaikan bentuk gambaran alam semula jadi dalam seni lukis tempatan. Para pelukis Wednesday Art Group yang menganggap seni sebagai wadah ekspresi diri telah menghasilkan karya bertema alam yang ada kaitan dengan imejan serantau, seperti catan Patrick Ng Kah Onn "Semangat Bumi, Air dan Udara" (1958) yang berhubungan dengan kebudayaan masyarakat Bali. Dalam konteks ini, imejan alam semula jadi membawa pengertian budaya dan kepercayaan, dan bukan semata-mata bersifat representasi. Namun begitu, karya-karya landskap yang merakamkan keindahan tempatan masih dihasilkan tetapi dalam teknik pengolahan warna yang lebih tebal jika dibandingkan dengan karya-karya terdahulu. Penggunaan warna secara tebal dan pekat menerusi teknik gouache ini dapat dilihat jelas dalam karya Peter Harris seperti "Rumah Rakit - Kuala Lipis" (1956).

Pelukis-pelukis Angkatan Pelukis Semenanjung pula menggabungkan landskap alam semula jadi dengan figura manusia bagi mendukung konsep seni nilai bangsa. Menerusi karya seni, mereka berusaha mencerminkan nilai-nilai budaya bangsa Melayu yang luhur sama ada menerusi pakaian dan rupa paras wajah figura, ataupun landskap

yang mencerminkan aktiviti masyarakat tempatan seperti di kampung nelayan, pasar minggu dan suasana desa. Hal ini tercermin dalam karya-karya Mazli Mat Som yang berjudul "Menanti Nelayan" (1961) ataupun karya Mohd. Salehuddin "Membeli-belah di Kampung" (1959). Beberapa karya Hoessein Enas pada era 1990-an turut merakamkan suasana sawah padi dan kampung nelayan, justeru merakamkan keindahan alam secara realistik dan terang-terangan. Apa yang membezakan karya-karya catan Aangkatan Pelukis Semenanjung dengan pelukis-pelukis terdahulu ialah dari segi pengolahan gaya yang lebih realistik serta penekanan kepada aspek figura, bukan semata-mata kepada landskap.

Apa bila seni catan batik muncul sebagai suatu bentuk pengucapan seni visual kontemporeri yang baru pada tahun-tahun 1950-an, keindahan alam semula jadi ditampilkan menerusi tatabahasa visual yang bersifat abstrak lagi dipermudahkan. Dalam konteks ini, imejan rumah-rumah nelayan seolah-olah menjadi corak-corak geometrik dan organik yang menarik lagi menawan, khususnya menerusi gabungan pelbagai mutu garis dan warna-warna yang meriah. Unsur-unsur dekoratif ini memungkinkan catan-catan batik itu begitu diminati ramai dan amat menyenangkan untuk dihayati. Karya-karya catan batik ketika itu masih lagi menumpukan kepada subjek-subjek landskap yang lumrah seperti pemandangan di kampung nelayan, sebagaimana dalam karya Chuah Thean Teng "Kampung Nelayan" (1964) ataupun catan Tay Mo Leong berjudul "Kampung" (tidak bertarikh).

Penampilan landskap alam semula jadi dalam pengolahan abstrak lebih ketara pada tahun-tahun 1960-an, khususnya menerusi karya-karya pelukis yang kembali menuntut dari luar negara seperti Syed Ahmad Jamal, Abdul Latiff Mohidin, dan Yeoh Jin Leng. Dalam konteks ini, pengalaman



menuntut di Barat serta pendedahan kepada gaya seni global khususnya kubisme, ekspresionisme dan abstrak ekspresionisme telah memungkinkan pengucapan seni mengenai alam semula jadi mengalami perubahan. Gaya abstrak seni batik berhubung langsung dengan kesenian tradisi, tetapi catan-catan landskap yang abstrak pada dekad 1960-an itu boleh dihubungkan pula dengan perkembangan seni Barat.

Syed Ahmad Jamal menerusi "Pohon Nipah" (1957) telah meringkaskan rupa bentuk tumbuhan itu kepada bentuk-bentuk yang bersifat geometrik, justeru menghubungkannya dengan gaya kubisme. Karya Yeoh Jin Leng "Sawah Padi" (1963) pula menampilkan suasana sawah padi yang menguning menerusi sapuan berus yang spontan, bagaikan karya-karya abstrak ekspresionis Willem de Kooning. Abdul Latiff Mohidin menerusi "Kesepian" (1964) mempermudahkan bentuk perahu di pantai kepada garis-garis padu yang ekonomis, sementara dalam siri popularnya "Pago-pago" (1964), Latif menggabungkan motif-motif alam semula jadi serantau kepada suatu komposisi bentuk alam ekspresionis yang unik. Jelas bahawa pengalaman menuntut di luar negara telah memperkayakan serta mempelbagaikan pengucapan visual pelukis tempatan terhadap alam semula jadi.

Di samping faktor pendidikan seumpama ini, usaha mencari identiti nasional dalam seni yang berkembang kuat pada dekad-dekad 1970-an dan 80-an telah mendorong para pelukis tempatan untuk merujuk kepada warisan seni tradisi sebagai sumber inspirasi. Antara lain, hal ini didorong oleh resolusi-resolusi yang dicapai dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971) dan seminar Akar-akar Kesenian Peribumi yang berlangsung di Kajian Seni Lukis dan Seni Reka ITM pada tahun 1979. Justeru itu, penampilan alam semula jadi dihubungkan dengan pelbagai sumber kesenian

tradisi, baik dalam bentuk visual maupun kesusasteraan. Contohnya, Syed Ahmad Jamal menghasilkan catan "Gunung Ledang" (1978), Anuar Rashid pula dengan "Kelahiran Inderaputra" (1978), sementara Hashim Hassan dengan siri "Burung Batik" (1987). Meskipun karya-karya para pelukis ini berbentuk landskap, namun pengisiananya boleh dihubungkan dengan persoalan-persoalan berkaitan kemasyarakatan dan kemanusiaan.

Kemunculan era pluralis pada tahun 1990-an telah memungkinkan pelbagai pengucapan seni tentang keindahan alam dilakukan pelukis, justeru itu mempelbagaikan bentuk dan makna seni tempatan. Alam semula jadi bukan sahaja dihubungkan dengan persoalan keindahan dan kepermaian desa, malahan dikaitkan dengan konsep menghargai kebesaran Tuhan, isu alam sekitar, pencemaran, dan pemuliharaannya. Jaafar Taib menerusi "Bird Series" merakam kepelbagaian spesis burung tempatan yang dikhuatiri pupus akibat pembangunan dan kemajuan, Long Thien Shih menerusi karya cetakannya mempersoalkan isu-isu pencemaran alam dan kebudayaan, Syed Ahmad Jamal mendekatkan landskap dengan persoalan kemanusiaan dan ketuhanan dalam "Langit dan Bumi" (1998), sementara Yusof Ghani pula menghasilkan catan-catan landskap berdasarkan lokasi-lokasi tertentu dalam "Hijau" (1998-2002). Di samping karya-karya catan seumpama ini, karya seni media baru turut terhasil di samping pengukuhkan karya-karya landskap cat air yang terus diminati ramai. Hal ini menunjukkan betapa alam semula jadi terus menjadi inspirasi pelukis sezaman dan diungkapkan dalam pelbagai gaya dan pendekatan.




Exploration of Nature with a Design Eye

I walked through nature purposely to be away, even temporarily from the seemingly less necessary buzz of cityscape and the glaring night lights. My eyes, glanced all over the horizon, from the lowest to seemingly highest, the smallest and the biggest, the wet and dry earth I tactilely felt, even though failed at times due to personal ignorance, to visually and spiritually dictate meanings of the unstoppable growth of this gift of Lord. The sounds of nature from dawn to dusk and from light to dark totally mesmerized my audio senses like never before. Touching almost all fragments of nature within sight in this rather short journey of mine has certainly contributed to such a magical psychomotor stance and so fulfilled emotions of closeness to such a gifted scene. I adore nature religiously. The beauty of the composite elements and principles of art and design in and within nature, so calculative to perfection, are certainly acknowledged as among the symbols of the ultimate creation of Allah, the Almighty, which can never be

challenged by any man, how genius and artistic one can be. I can never be lost in such a bombardment of unapologetic freshness, so much to appreciate and fantasize. I felt so small, but with a destined big heart wanting and forever selecting for answers from the realistic and abstraction of the aesthetic and functionalism of this adorable gift, and so divine the beauty of which has never, even once failed to excite my personal technology of the 'within', certainly much richer than the technology of materialism seemingly so much listed through modernism.

In the early 1969, within the so restricted environment of Institut Teknologi MARA at Petaling Garden, in Petaling Jaya, where the faculty of serious thoughts of visual artistic education in Malaysia marked its humble beginning in 1967, I was taught about the existence of dots which unselfishly combined into lines and later illustrated into shapes and forms. These basic elements in art then characterized it with



**Professor Dr Mohamad Tamyez Hj Bajuri
Curator, Ilham'04**



the combined efforts of visual and tactile textures and tones and tints and concluded into a respected identified composition for visual appreciation, some so densely subjective and others seemingly sparsely objective. Time passed and the appreciation escalates into truly regal design pedestal which is much sought after in this technological advancement and global era. The fine art stabilizes the existence of design making it more humanely respected. Design has further advanced itself in so many directions and interdisciplinary faculty of thoughts, never even imagined and thought before. The current MARA University of Technology's Faculty of Art and Design has certainly matured and grown respectfully ever since, and has been openly acknowledged for their creative and innovative instincts, within the nation and outside as well. Thousands of art and design graduates and their academic staff from the faculty have most certainly contributed to nation building and there is no denial to that. They have continuously assimilated that special extra flavor to design technology and technology of design, thus adding an intrinsic edge to the respected artistic belongings and cultural parameters of the country as well. Nature as a symbol of reference, without doubt has in most instances, through the years, contributed to this attention and recognition of their true expertise and unquestionable capabilities. The pride flows endlessly like the streams in nature.

Nature in the design eye, to repeat again, is a true and undivided gift from the Almighty, Allah, to fellow citizens of the world, though at times seen as familiar and simple, it is also can actually be enchanting and complex. We are also convinced that regularity is seen in nature, and also unity and wholeness that imply objective laws, without which the pursuit of any knowledge, even the scientific ones would be absurd. Nature in itself is also a symbol of love and lust of positivism which can never be downgraded. Like any respected art pieces or good designs smartly created by man, nature in its mysterious ways, progresses and develops so intelligently, where they continuously dialogue with each other, non temperamental and never lustng or exhibiting greed for dignified power. As I was taught during my childhood years, nature is also portrayal of verses from Allah in physical forms.

As fellow artists and designers, we have so much to learn from and through nature. Nature in the true sense of the word, ever continuously exercise mutual respect which has formed an integral part towards achieving maturity within the so integrated and compromising scenic nature. What is even much more fascinating seen within nature is the assimilation of the basic art and design elements and principles, which are so brilliantly and faithfully choreographed, with its own intimate laws governing its behavior. Such brilliance and ageless composition within



nature seemed to have outdated Louis Sullivan's 'Form follows function' and Frank Lloyd Wright's 'Form and function as one'.

Water, which is chemically an oxide of hydrogen, covers two third of earth's surface. Pure water, even though is odorless, tasteless and colorless, due to its special scientific reasons, has certainly acted as a dignified symbol in assisting and motivating fellow artists and designers to embark into endless flow of experimentation in their creations. Understandably as we all know and realize, earth, water, air and fire are often regarded as the four basic elements of the universe and are seen well coordinated and intelligently canvassed and sculptured through and within nature, it's a perfect design in its own way. And even like an appropriate design which contributes to quality living, these four elements of the universe painted in nature are sources of life and great symbols for a great human civilization. The power of the sun, moon and stars, the ever changing seasons, seedtime and harvest, clouds, rains and rivers, the ocean and the forest, the creatures and the herbs are also seen, through a design eye, as complete elements and principles of design in nature. Teleology is the study of evidences of design in nature.

This life and dignity of nature appears over and over again as a common thread woven through humanity, culture, religion and facets of modernization. For artists and designers, who continuously without calculated exhaustion, crave and harbor for excellence in their artistic creations, the spirit of water and nature are forever within them, because when they drink this water and breathe this true air, they will be thirsty again and darting for more. That is basically what design is all about. The more one creates, the more they crave.

Understandably, designers possess that most important ability to recognize, isolate, define and solve problems. Nature's ability to coordinate and integrate them, through its magical ways is so spontaneous and holy. Design education is a process in which the environment or nature changes the learner, and the learner later imitates or changes the environment, in ways the process and outcome are not bringing harm to human civilization, but injecting that special 'lift' for the betterment of all beings.

Whilst adoring these new meanings of aesthetics in nature, suddenly my vision tends to lose its control and I felt sad and unbearably beyond console. My artistic senses felt the sufferings of nature due to human ignorance of the natural



beauty and functions existing in nature. Fatal problems as erosions and contaminated water, ugly litters, unnecessary graffiti and the fading beauty of nature have often become a design debate. Nature competing with development?

In this modern and challenging era, designs are seen everywhere. The history of human civilization has very clearly shown that as beings and part of nature, we need to make and depend on things to survive. Whilst we do not deny the fact that certain things are born or naturally sculptured through certain natural laws, we also desperately realize the importance of making new things ourselves in order to assist in our trip and journey to survive and contribute to mankind. This is one of the biggest challenges ever experienced by man, creating and making things for man. So we DESIGN. What is design anyway? We need shelter, clothes to wear, food to eat, vehicles to travel etc.

We see and use designs 24 hours per day, every single day of our lives, from the tip of our hair to the bottom of our toe, from dawn to dusk, from light to dark and light again. A baby needs a cradle and a dying man requires a coffin. We are seemingly so very dependent on design as such that it would be a frightening factor to mobilize and exercise the daily life without this gigantic factor - Design. Is it good or bad? Something we constantly need to ask ourselves. It's not surprising that the amount of design available is

certainly far more beyond the population of mankind. Design which historically generated through the brilliance of art in 3D forms covers almost all aspects of human lives. From the biggest to the smallest in size in endless various shapes and forms and characters as well. Clothes are designed for better visual and physical comfort and cars to faster and safe traveling and houses for better shelter etc. and the contribution of design in to mankind to uplift human civilization certainly go endlessly.

What's the purpose of designing if it's not to improve the quality of life and surely not in the expense of losing or deteriorating ones heritage, cultural belongings and traditions? It would of course be a tragic episode in humanity if designs are there just for cosmetic purposes, profit making and exploit the consumers with the unnecessary bombardments of advertising and only to realize the not so pleasing after effect experienced by the next generation. It would be a sad state then.

We also need to stress the fact that designers are not just there to make impressions that things must only be beautiful and pleasing to the eye. Designers must be obliged to touch consumers' hearts, the humane part of humanity, the true elevation and escalation of quality of aesthetics of the within, the so-called human centering.

Even though some are honestly willing to sacrifice certain

elements in tradition for development and modernization, some have also shown rather direct withdrawal of accomplishing modernism in the expense of them losing and deteriorating their cultures. This grossly shows how difficult and challenging it would be in making design solutions satisfying the mass, and thus making the promotion of design a solid success. Research has found that nations that have strong inclination towards traditions and cultures seemed to lack development and economic status and would most probably stay underdeveloped for a while unless a 'smart' balance of traditions and modern technology are seriously countered for. It is believed that the best promotion possible for design would be to really understand the people, the real consumers of the product, abiding to their needs, introducing new and better solutions and means of satisfying those needs within their immediate understanding. They should not be taken for granted when introduced to creative design ideas and insights or even novel dimensions of artistic appeal in a product. Even though advertising is ever so often used to promote new innovative and creative concepts it must be done in a manner that it is appropriate, down to earth and realistically understood by the consumers and not excessively overdone and blinded the buyers' seemingly shallow interpretation.

If a few generations ago mankind took days to reach a destination, with the current assimilation of technology and

design, we could now travel the world by just sitting and being safe as well. We wash clothes by just reading the papers; we can now also benefit from more things in life through speed and efficiency in operation, comfort and safety through creative and intelligent, smart and sharp solutions in design. We experience better quality of life never experienced before and are able to relate more significantly to environment and nature. However, we also need to be more sensitive that, if during the World Wars mankind got killed through bombs and savage gunpoint, modernization through technology and inappropriate design strategies, unpredictably demonstrated that people get killed through unsafe designs, toxicant products and unhealthy environment. A humble mum could easily get hurt through the usage of a not well-designed kitchen knife or the unnecessary protrusion of blender blades. More and more people die and are seriously injured in automobile accidents. The best air crafted Concorde went bust due to certain unforeseen flaws of assimilation between technology and design. This clearly indicates that design kills, if not appropriately rated in terms of high standards and intimately related to the humane side of the human. Design can be a frightening factor rather than a seductive one. However, we also need to seriously take notice that how best a design or a creation is; it is the action and the positivism of the consumers' positioning mind, which I would like to term it as the technology of the heart and soul, like kindness



etc. that supported the honest functionality of a chosen product. Another words, it is the healthy social stance and the behavioral traits and character of the users that defines the success of a product. It must be contributive to mental and physical desires of a being. We also design every second of our lives non-stop. When those designers sleep in Canada, we design. The time difference for example supported the fact that serious designing never stops since the beginning of industrial revolution and even since human

civilization started to create and make things for survival. Designers have to seriously take note that the products they create are often recognized as agents of change or modernization and improvement of quality of life. It must do good and no harm to humanity. Designers contribution to society and humanity would be a total defeat and failure if the things they create contribute to people being less communicative, selfish, materialistic, jealously, lusting for power etc. If this happens then we are not truly thankful to Nature, God, or The Grande Designer for designing human being as a complete symbol of His creation. Designing can be religious in its own way. Let's make this world and Mother Nature a truly meaningful place and giving "soulful" meanings to the existence of human beings. Lets create things which are really appropriate and at the same time bridging the gap between the 'haves' and the 'have not'. Designs in whatever forms and areas must contribute to

making fellow beings closer to God, which is the sole reason of ones existence in life.

We must respect each others' faculty of thought and interpretation and work closely as much positively in making visible that the product we idealize projects the cooperation of that understanding. Until such time when these differences are bridged, we would still blame each other for probable failure in design.

